



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

KESAN BULI SIBER TERHADAP SIKAP DAN TINGKAH LAKU PELAJAR SEKOLAH RENDAH

TAN LIH SHY



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

LAPORAN KERTAS PROJEK DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PSIKOLOGI PENDIDIKAN) (MOD KERJA KURSUS)

FAKULTI PENDIDIKAN DAN PEMBANGUNAN MANUSIA

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2015



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my




Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Sila tanda (✓)
 Kertas Projek
 Sarjana Penyelidikan
 Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
 Doktor Falsafah

✓

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada(hari bulan) (bulan) 20

i. Perakuan pelajar :

Saya, Tan Lih Shy M20132001659 Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia (SILA)
 NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI dengan ini mengaku bahawa
 disertasi/tesis yang bertajuk Kesan buki siber terhadap sikap dan tingkah laku pelajar sekolah rendah.

adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tan

Tandatangan pelajar

ii. Perakuan Penyelia:

Saya, Prof. Madya Dato Dr. Abdul Latif bin Haji Gapor (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk Kesan buki siber terhadap sikap dan tingkah laku pelajar sekolah rendah.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian SiswaZah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan) (SLA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

Tarikh

Tandatangan Penyelia



PENGHARGAAN

Pertamanya saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih kepada penyelia saya iaitu Profesor Madya Dato Dr. Abdul Latif bin Haji Gapor yang sentiasa memberikan tunjuk ajar dan membimbang saya dengan dedikasi dalam sepanjang saya melakukan kerja kursus sehingga selesai. Di samping itu, penghargaan juga diberikan kepada pensyarah-pensyarah UPSI yang telah banyak membantu dan mendidik saya selama dua tahun ini. Tambahan pula, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa saya yang sentiasa memberi saya sokongan dan dorongan sepanjang pembelajaran. Akhirnya, penghargaan saya diberikan kepada rakan-rakan saya dan responden-responden yang sudi menjawab soalan-soalan yang diberikan.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kesan buli siber terhadap sikap dan tingkah laku pelajar sekolah rendah. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenalpasti kesedaran pelajar terhadap buli siber, apa yang akan berlaku selepas di buli, menyaksikan dan melaporkan serta pandangan pelajar terhadap buli siber. Dalam kajian ini terdapat 11 persoalan kajian. Seramai 152 orang pelajar tahun enam sekolah rendah yang dipilih dari empat buah sekolah rendah di daerah Larut Matang dan Selama secara pensampelan rawak kelompok. Di samping itu, seramai enam pelajar sekolah rendah dipilih sebagai sampel dalam sesi temu bual. Statistik deskriptif dijalankan untuk mendapatkan kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai digunakan untuk menganalisis latar belakang responden, kekerapan penggunaan internet dan tahap kesedaran pelajar terhadap buli siber. Regresi pelbagai digunakan untuk menganalisis perhubungan antara kesan buli siber dengan sikap dan tingkah laku pelajar. Analisis ANOVA digunakan untuk menganalisis perbezaan antara kesan buli siber mengikut kategori iaitu mangsa buli, pemerhati dan pembuli. Analisis ujian-t dijalankan untuk menganalisis perbezaan antara kesan buli siber terhadap lokasi kawasan dan jantina. Analisis korelasi Pearson r dilakukan untuk menganalisis perhubungan antara buli siber dengan kekerapan penggunaan internet. Kajian mendapati bahawa terdapat perhubungan antara kesan buli siber dengan sikap dan tingkah laku pelajar. Kajian juga mendapati terdapat perbezaan antara kesan buli siber dengan mengikut kategori iaitu mangsa buli, pemerhati dan pembuli. Kajian mendapati terdapat perbezaan antara kawasan bandar dan luar bandar terhadap buli siber. Kajian mendapati tiada perbezaan antara pelajar lelaki dan perempuan dalam buli siber ini. Analisis korelasi Pearson r mendapati terdapat perhubungan antara kekerapan penggunaan internet dan buli siber. Berdasarkan dapatan kajian didapati kanak-kanak kini suka menghibur dan menghabiskan masa lapang dalam dunia siber ini. Keadaan ini akan menjadikan mereka dalam kumpulan berisiko tinggi menjadi mangsa buli. Jadi pendekatan preventif yang proaktif, pendidikan yang secara menyeluruh dan bersepadau dan kempen kesedaran yang berterusan untuk mencegah kejadian buli siber di sekolah. Kajian yang berterusan dijalankan untuk mengenalpasti faktor-faktor yang mendorong kejadian buli siber dan pihak berkenaan menganjurkan keberkesanannya program intervensi mencegah buli siber bagi pelajar-pelajar mahupun ibu bapa.





THE CYBER BULLYING WILL AFFECT STUDENT'S ATTITUDES AND BEHAVIOR

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the attitude and behaviors of cyber bullying among primary school student in Malaysia. The study also aims to identify students' awareness of cyber bullying, what will happen after the bullying, witnessing and reporting as well as the views of students on cyber bullying. In this study there were 11 research questions. 152 students in the state of Larut Matang and Selama have been chosen as respondents. The sampling has been done using the cluster random sampling method. In addition, a total of six primary school student were chosen as interview respondents. Descriptive statistics were performed to obtain the frequency, percentage, mean and standard deviation were used to analyze the background of the respondents, frequency of Internet use and the level of students' awareness of cyber bullying. Multiple regression was used to analyze the relationship between cyber bullying of the attitude and behavior of students. ANOVA analysis was used to analyze differences between the effects of cyber bullying by category of victims of bullying, and bullies observers. T-test analysis was conducted to analyze differences between the effects of cyber bullying on the location and gender. Pearson correlation analysis was performed to analyze the relationship between cyber bullying and internet usage frequency. The study found that the relationship between the effects of cyber bullying with the attitude and behavior of students. The study also found that there is a difference between the effects of cyber bullying following categories: a victim of bullying, and bullies observers. The study found that there are differences between urban and rural areas of cyber bullying. The study found no difference between boys and girls in this cyber bullying. Pearson correlation analysis found there is a relationship between the frequency of use of Internet and cyber bullying. Based on the findings showed children now like to entertain and spend more time in the cyber world. This will make them in high-risk groups are victims of bullying. Be proactive preventive approach, education to further developing the pupils in holistic and integrated manner and continuous awareness campaigns to prevent cyber bullying in schools. Ongoing studies undertaken to identify factors that will affect cyber bullying and the effectiveness of intervention programs to prevent cyber bullying for students or parents.





KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.1.1 Apakah yang dikatakan sebagai buli?	3
1.1.2 Kategori tingkah laku buli.	5
1.1.3 Apakah perhubungan buli dengan buli siber?	7
1.1.4 Apa itu internet?	9
1.1.5 Apakah yang kanak-kanak akan lakukan dalam talian?	12
1.1.6 Apa itu buli siber?	14
1.2 Latar belakang Kajian	20
1.3 Permasalahan Kajian	22
1.4 Objektif Kajian	25
1.5 Persoalan Kajian	26
1.6 Kerangka Konseptual Kajian	27





1.7	Hipotesis Kajian	29
1.8	Kepentingan Kajian	30
1.9	Limitasi Kajian	32
1.10	Definasi Operasi	33
1.11	Pendekatan Teori	39
1.11.1	Pendekatan Penyesuaian Adaptasi	40
1.11.2	Mekanisme Bela Diri	41
1.11.3	Teori Perubahan Sikap	42
1.11.3.1	Teori Tahap Perubahan Sikap Harian	42
1.11.3.2	Teori Penilaian Sosial	44
1.11.3.3	Teori Ketekalan	44
1.11.3.4	Teori Ketidakserasan Kognitif Festinger	45
1.11.3.5	Teori Kefungsian	45
1.11.4	Teori Hierarki Keperluan Maslow dan Perlakuan Buli Siber	46
1.11.5	Teori Psikoanalisis Freud dan Perlakuan Buli Siber	48
1.12	Penutup	49

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	50
2.2	Pendekatan teori	51
2.2.1	Mekanisme bela diri	51
2.2.2	Teori Pembelajaran Sosial	56
2.3	Kajian lepas berkaitan dengan buli siber di Malaysia	58
2.4	Kajian lepas berkaitan dengan buli siber di luar negara	60





2.5	Kajian lepas berkaitan dengan faktor dan kesan buli siber dan buli	68
2.6	Penutup	70

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	72
3.2	Reka bentuk kajian	73
3.3	Lokasi kajian	74
3.4	Subjek Kajian	75
	3.4.1 Populasi	75
	3.4.2 Sampel kajian	77
3.5	Kaedah Pensampelan	79
	3.5.1 Sampel Kajian Soal Selidik	79
	3.5.2 Sampel Kajian Temu Bual	81
3.6	Instrumentasi	82
	3.6.1 Soal selidik	83
	3.6.2 Temu bual	86
3.7	Kajian Rintis	87
3.8	Prosedur Kajian	89
3.9	Analisis Data	90
	3.9.1 Analisis Data Soal selidik	90
	3.9.2 Analisis Data Temu Bual	95
3.10	Penutup	96

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	97
-----	------------	----





4.2	Latar belakang responden kajian soal selidik	99
4.2.1	Peratusan dan kekerapan responden mengikut jantina	99
4.2.2	Peratusan dan kekerapan responden mengikut kategori pelajar	100
4.2.3	Peratusan dan kekerapan responden mengikut jantina dengan kategori pelajar	102
4.2.4	Peratusan dan kekerapan responden mengikut lokasi sekolah pelajar	103
4.2.5	Peratusan dan kekerapan responden mengikut memiliki internet, komputer, telefon bimbit, laman web sosial dan kekerapan penghantaran teks melalui telefon bimbit	104
4.2.5.1	Peratusan dan kekerapan responden terhadap memiliki internet	104
4.2.5.2	Peratusan dan kekerapan responden terhadap memiliki komputer	104
4.2.5.3	Peratusan dan kekerapan responden terhadap memiliki telefon bimbit	105
4.2.5.4	Peratusan dan kekerapan responden terhadap memiliki laman web sosial	106
4.2.5.5	Peratusan dan kekerapan responden terhadap tahap penggunaan telefon bimbit menghantar teks	106
4.3	Latar belakang responden bagi temu bual	107



4.4	Dapatan Persoalan Kajian	108
4.4.1	Persoalan Kajian pertama: Adakah terdapat perhubungan antara kesan buli siber terhadap sikap dan tingkah laku pelajar sekolah rendah?	108
4.4.2	Persoalan Kajian dua: Adakah terdapat perbezaan signifikan antara kesan buli siber mengikut kategori iaitu mangsa buli, pemerhati dan pembuli?	111
4.4.3	Persoalan Kajian tiga: Adakah terdapat perbezaan signifikan antara kesan buli siber di kawasan bandar atau luar bandar?	114
4.4.4	Persoalan Kajian empat: Adakah terdapat perbezaan signifikan antara kesan buli siber dengan pelajar lelaki dan perempuan?	116
4.4.5	Persoalan Kajian lima: Adakah terdapat perhubungan antara buli siber dengan kekerapan penggunaan internet?	118
4.4.6	Persoalan Kajian enam: Apakah kesedaran pelajar mengenai buli siber ?	120

4.4.7 Persoalan Kajian tujuh:	122
-------------------------------	-----

Apakah akan berlaku selepas pelajar di buli
dalam alam siber?

4.4.8 Persoalan Kajian lapan:	126
-------------------------------	-----

Apakah pelajar akan lakukan apabila mereka
menyaksikan buli siber ini?

4.4.9 Persoalan Kajian sembilan:	128
----------------------------------	-----

Apakah akan berlaku selepas pelajar
membuli kawan dalam alam siber?

4.4.10 Persoalan Kajian 10:	130
-----------------------------	-----

Bagaimanakah mangsa buli ini memilih
untuk melaporkan kejadian ini?

Apakah pandangan pelajar terhadap buli siber ini?

4.5 Penutup	133
-------------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1 Pengenalan	135
----------------	-----

5.2 Perbincangan hasil dapatan kajian	136
---------------------------------------	-----

5.2.1 Perbincangan latar belakang responden	136
---	-----

5.2.2 Perhubungan antara kesan buli siber	138
---	-----

dengan sikap dan tingkah laku pelajar

sekolah rendah.

5.2.3 Kesan buli siber mengikut kategori pelajar	141
--	-----

iaitu mangsa buli, pemerhati dan pembuli.

5.2.4	Perbezaan antara kesan buli siber dengan kawasan bandar atau luar bandar.	142
5.2.5	Perbezaan antara kesan buli siber dengan pelajar lelaki dan perempuan.	143
5.2.6	Perhubungan antara kesan buli siber dengan kekerapan penggunaan internet.	144
5.2.7	Kesedaran pelajar mengenai buli siber.	145
5.2.8	Apa akan berlaku selepas pelajar di buli dalam alam siber.	146
5.2.9	Apa pelajar akan lakukan apabila mereka menyaksikan buli siber.	147
5.2.10	Apa akan berlaku selepas pelajar membuli kawan dalam alam siber.	148
5.2.11	Bagaimana mangsa buli ini memilih untuk melaporkan kejadian ini.	149
5.2.12	Apa pandangan pelajar terhadap buli siber.	151
5.3	Kesimpulan	152
5.4	Cadangan kajian lanjutan	153
RUJUKAN		155
LAMPIRAN		

SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
1.1 Jenis - jenis tingkah laku membuli	6
3.1 Jumlah sekolah jenis kebangsaan cina di daerah Larut Matang dan Selama	75
3.2 Sekolah-sekolah yang telah dipilih secara rawak untuk menjadi sampel	80
3.3 Skala mengukur sikap dan tingkah laku mangsa buli siber, pemerhati dan pembuli terhadap buli siber	85
3.4 Pecahan item Soal Selidik buli siber	86
3.5 Jadual ringkas Pengujian Statistik Objektif Kajian	91
3.6 Jadual ringkas Pengujian Hipotesis Kajian	92
3.7 Interpretasi Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	94
4.1 Pembahagian responden mengikut jantina	99
4.2 Pembahagian responden mengikut kategori pelajar	101
4.3 Peratusan dan kekerapan responden mengikut jantina dengan kategori pelajar	102
4.4 Pembahagian responden mengikut lokasi sekolah	103
4.5 Pembahagian responden mengikut memiliki internet	104
4.6 Pembahagian responden mengikut memiliki komputer	105
4.7 Pembahagian responden mengikut memiliki telefon bimbit	105

4.8	Pembahagian responden mengikut memiliki laman web sosial	106
4.9	Pembahagian responden mengikut penggunaan telefon bimbit menghantar teks	107
4.10	Kekerapan dan peratus mengenai jantina responden	108
4.11	Regressi pelbagai antara kesan buli siber dengan sikap dan tingkah laku pelajar sekolah rendah	109
4.12	Regressi pelbagai dengan perhubungan antara sikap dan tingkah laku pelajar sekolah rendah	110
4.13	Ujian ANOVA antara buli siber dengan mengikut kategori iaitu mangsa buli, pemerhati dan pembuli	112
4.14	Keputusan Ujian Post Hoc Scheffe kesan buli siber mengikut kategori pelajar	113
4.15	Ujian deskriptif antara kesan buli siber dengan kawasan bandar dan luar bandar	114
4.16	Ujian-t antara kesan buli siber terhadap kawasan bandar dan luar bandar	115
4.17	Ujian deskriptif antara kesan buli siber dengan pelajar lelaki dan perempuan	116
4.18	Ujian-t antara kesan buli siber terhadap pelajar lelaki dan perempuan	117
4.19	Ujian deskriptif antara buli siber dengan kekerapan penggunaan internet	118
4.20	Analisis korelasi antara kekerapan penggunaan internet dengan buli siber	119

4.21	Ujian deskriptif tentang pengalaman pelajar mengenai kejadian buli siber	120
4.22	Kekerapan dan peratus tentang responden mengenai buli siber	121
4.23	Kekerapan dan peratus tentang program buli siber yang diadakan	122
4.24	Kod transkrip sikap dan tingkah laku pelajar selepas di buli dalam alam siber	123
4.25	Kod transkrip kesan buli siber terhadap pemerhati	126
4.26	Kod transkrip kesan buli siber terhadap pembuli	128
4.27	Kod transkrip bagaimana mangsa buli siber memilih melaporkan kejadian buli siber	130
4.28	Kod transkrip mengenai pandangan pelajar terhadap kejadian buli siber	132

SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Kerangka konseptual kajian	27
3.1 Persampelan kelompok dua tingkat untuk memilih 152 orang pelajar dalam daerah Larut Matang dan Selama	81
4.1 Pembahagian responden mengikut jantina	100
4.2 Pembahagian responden mengikut kategori pelajar	101
4.3 Pembahagian responden mengikut lokasi sekolah	103



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



xvii ptbupsi

SENARAI SINGKATAN

FB *Facebook*

ISP *Internet service provider*

P2P *Peer to peer*

SPSS *Statistical Package for Social Science Version 20.0 for Windows*

TCP/IP *Transmission Control Protocol/Internet Protocol*

VLE Flog *Frog Virtual Learning Environment (VLE)*

WWW *World Wide Web*



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

SENARAI LAMPIRAN

- A Contoh Borang Soal Selidik
- B Contoh Soalan Temu Bual
- C Contoh Jadual Penentuan Saiz Sampel Krejcie dan Morgan (1970)

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Pada abad ke 21 ini, kemahiran teknologi maklumat yang canggih ini telah memberi banyak kemudahan dalam pelbagai bidang seperti perubatan, telekomunikasi, pembinaan, pendidikan dan lain-lain dalam kehidupan sehari-hari manusia. Daripada pelbagai sumber pengetahuan, penemuan bidang teknologi maklumat telah berjaya mengubah tamadun dunia kepada situasi yang lebih bersaing. Teknologi maklumat telah mewajarkan manusia mencapai pelbagai kemajuan lebih-lebih lagi dalam bidang ilmu pengetahuan dan yang paling canggih. Contohnya dalam bidang telekomunikasi ini mengalami perubahan yang mendadak sehingga telefon bimbit bukan lagi sebagai alat untuk berkomunikasi antara satu sama lain malah ia merupakan sebagai satu alat yang mempunyai pelbagai aplikasi. Contohnya, kita boleh menggunakan telefon bimbit pintar ini untuk melayari internet, permainan

secara talian (*online game*), bergambar dan menggunakan aplikasi seperti *WhatsApp*, *line* atau *wechat* untuk berbual secara individu atau secara berkumpulan. Keadaan ini telah memudahkan atau mengeratkan hubungan antara kawan atau rakan-rakan. Revolusi teknologi ini telah membawa manusia ke alam elektronik dan mengeratkan hubungan manusia di seluruh dunia.

Selain itu, kehadiran teknologi maklumat merupakan anugerah istimewa kepada bidang pendidikan. Tugas mendidik menjadi mudah, cepat dan berkesan dengan adanya teknologi maklumat. Sebab seluruh dunia menjadi seolah-olah sebuah kampung elektronik dengan adanya teknologi ini. Keupayaan menghantar, menerima dan memproses maklumat telah diperluaskan. Penerimaan ilmu bukan sahaja antara guru dengan pelajar, malah dilakukan dengan menggunakan komputer dan bilik darjah bukan lagi disempadani batu-bata dan kayu, sebaliknya dalam alam maya. Maka pembelajaran pelajar menjadi tanpa sempadan dengan menggunakan teknologi maklumat. Contohnya pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran tetapi dia menghadapikekangan seperti masa dan tempat belajar. Maka dia boleh memilih kaedah e pembelajaran atau pembelajaran secara talian ini. Pensyarah dengan menggunakan *webcam* untuk menjalankan *teleconferencing* antara pelajar.

Tidak dinafikan bahawa kecanggihan ini memudahkan manusia tetapi kecanggihan ini juga memberikan pelbagai masalah sosial seperti siber buli (*cyberbullying*), penipuan dalam jual-beli dalam internet, menyebarkan maklumat yang tidak benar, paparan gambar pornografi dan sebagainya. Kesan negatif akibat



penyalahgunaan teknologi maklumat ini bukan sahaja membahayakan pengguna yang terdiri daripada orang dewasa, bahkan juga kepada kanak-kanak. Tidak dinafikan kanak-kanak juga banyak menggunakan kemudahan internet untuk mendapatkan maklumat dan ilmu, belajar secara interaktif, melayari laman sosial dan bermain game. Jika kanak-kanak menggunakan teknologi maklumat tanpa kawalan ibu bapa. Mereka akan melayari internet tanpa kawalan ini, mereka akan terpengaruh apa yang mereka dapat dalam internet. Sebab pemikiran kanak-kanak tidak matang dan mudah percaya terhadap maklumat yang mereka melayari . Jika mereka terpengaruh maklumat yang tidak sihat atau tidak baik akan menjelaskan minda, akhlak dan tingkah laku mereka.

Seiring dengan kemajuan teknologi maklumat dan proses perbandaran yang pesat, negara turut berdepan dengan pelbagai jenis jenayah yang menggugat keamanan dan kesejahteraan negara. Salah satu masalah sosial iaitu siber buli semakin berleluasa. Ia merupakan salah satu buli yang menggunakan internet menyebarkan maklumat palsu atau perkara yang menyakitkan hati seseorang.

1.1.1 Apakah yang dikatakan sebagai buli?

Buli pada asasnya adalah penyalahgunaan kuasa. Ia adalah operasi psikologikal atau fizikal yang berulang-ulang terhadap individu yang lemah oleh individu atau kumpulan yang lebih berkuasa. Ia adalah kehendak atau keinginan untuk



mencederakan seseorang dan meletakkan mangsa buli siber tersebut dalam situasi yang tertekan. Ia nya diarahkan kepada individu yang tidak berupaya untuk mempertahankan dirinya dalam situasi yang sebenar.

Menurut Smith dan Thompson (1991), buli didefinisikan sebagai satu set tingkah laku yang mana dilakukan secara sengaja dan menyebabkan kemudaran secara fizikal serta psikologi penerimanya. Tingkah laku buli termasuk tindakan-tindakan yang bersifat mengejak, penyisihan sosial dan memukul.

Perlakuan buli telah dikenal pasti sebagai salah satu saluran dalam rantaian perlakuan ganas daripada zaman kanak-kanak kepada zaman dewasa. Menurut Farrington (1993), pemangsaan remaja di sekolah mungkin merupakan salah satu tingkah laku awal yang menyumbangkan kepada perkembangan jangka panjang pola tingkah laku anti sosial, dan ia nya boleh juga menjadi perintis kepada tingkah laku anti sosial dan jenayah. Perlakuan buli dan pemangsaan di sekolah telah dikenal pasti secara universal sebagai perosak psikologi, sosial dan perkembangan kanak-kanak.

Buli boleh didefinisikan sebagai keinginan untuk mencederakan atau meletakkan seseorang kepada situasi dalam tertekan. Menurut Banks (2000), berkata perlakuan buli sebagai mempersendakan, menghina, mengancam, memukul, mencuri dan serangan-serangan langsung yang dimulakan oleh seorang atau lebih terhadap mangsa buli. Perlakuan buli adalah tingkah laku agresif yang dikategorikan sebagai ketidakseimbangan kuasa antara pembuli dengan mangsa buli. Perlakuan buli juga

menggabungkan julat tingkah laku yang luas seperti panggilan nama yang bersifat menghina, peras ugut, perlakuan ganas, fitnah, penyisihan daripada kumpulan, merosakkan harta benda orang lain dan ancaman verbal.

Daripada penerangan-penerangan atas, dapat dirumuskan bahawa buli ialah sejenis tingkah laku keganasan dalam bentuk fizikal atau psikologikal yang dilakukan oleh seorang atau sekumpulan individu ke atas sekumpulan individu ke atas individu lain yang tidak berupaya untuk mempertahankan dirinya dengan niat untuk menyakiti, mengancam, menakutkan atau meletakkannya dalam keadaan yang tertekan secara sengaja.

1.1.2

Kategori tingkah laku buli

Tingkah laku buli boleh diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu dalam bentuk fizikal dan juga dalam bentuk verbal serta psikologi. Perlakuan ini boleh dialirkan secara langsung ataupun tidak langsung. Tingkah laku buli dalam bentuk fizikal adalah perbuatan yang melibatkan pukul-memukul atau sepak terajang. Ia juga boleh melibatkan penggunaan senjata, ugutan serta ancaman.

Buli bentuk verbal atau psikologi pula lebih kepada ejek-mengejek misalnya jika seseorang pelajar mukanya mempunyai sebiji tahi lalat; maka itu akan menjadikan bahan ejekan pelajar lain yang membuli nya. Selain itu, seorang pelajar

yang mempunyai paras rupa yang tidak menarik atau berkulit gelap juga kerap menjadi mangsa buli. Sungguhpun, kes buli secara verbal dan psikologi ini kurang mendapat perhatian media atau pihak sekolah, ia sebenarnya lebih serius berlaku di sekolah berbanding kes buli secara fizikal. Walaupun perbuatan seperti ejek-mengejek itu pada pandangan dewasa merupakan perkara yang biasa akan tetapi di kalangan kanak-kanak atau remaja ia merupakan perkara yang agak besar dan ia akan menjelaskan perkembangan psikologi. Lama-kelamaan ia akan menjuruskan kepada akibat yang lebih teruk iaitu ponteng sekolah, pergaduhan atau bunuh diri.

Jadual 1.1

Jenis - jenis tingkah laku membuli

	Fizikal	Verbal
Secara langsung	<ul style="list-style-type: none"> ● Serangan dalam bentuk fizikal 	<ul style="list-style-type: none"> ● Menggelar dengan nama yang buruk.
Secara tidak langsung	<ul style="list-style-type: none"> ● Menyembunyikan atau merosakkan harta ● Penyisihan daripada kumpulan 	<ul style="list-style-type: none"> ● Berbicara dengan bahasa kesat. ● Menyebarluaskan fitnah. ● Menghina mangsa buli di belakangnya.

Di adaptasi dari *Stephenson dan Smith (1989)*

Elemen - elemen berkaitan tingkah laku membuli

Secara umumnya, elemen-elemen berikut adalah berkaitan dengan tingkah laku membuli iaitu:

- Buli melibatkan ketidakseimbangan kuasa di mana kanak-kanak atau remaja yang membuli lebih berkuasa dari segi umur, saiz, sokongan rakan sebaya atau status.
- Membuli adalah perlakuan yang diulang-ulang di mana seseorang kanak-kanak itu disisihkan lebih daripada sekali dan lazimnya dalam keadaan yang kronik.
- Tujuan membuli adalah untuk memudaratakan mangsa buli.
- Keagresifan secara fizikal, penghinaan berbentuk verbal atau lisan, penyebaran fitnah atau gosip dan penyisihan daripada kumpulan sebaya termasuk dalam tingkah laku membuli.

1.1.3 Apakah perhubungan buli dengan buli siber?

Tingkah laku buli merupakan satu operasi psikologikal atau fizikal yang berulang-ulang terhadap individu yang lemah atau kumpulan yang lebih berkuasa. Ia juga merupakan satu set tingkah laku yang menyebabkan kemudaratian secara fizikal serta psikologi penerima. Buli terlibat dua elemen iaitu secara fizikal dan psikologi. Akibat terhadap mangsa buli agak mendalam dan tingkah laku buli boleh dibaneras

lebih senang berbanding daripada buli siber. Tingkah laku buli mungkin berlaku di sekolah atau antara sekolah sahaja. Manakala buli siber ini melibatkan internet yang luas mungkin di kalangan sekolah, antara sekolah, masyarakat dan mungkin antara negara. Buli siber juga merupakan salah satu tingkah laku buli tetapi ia berlaku di alam maya iaitu siber melalui media sosial, e-mel, video, gambar atau *teks message*. Buli siber ini melibatkan secara fizikal, psikologi dan verbal. Dari segi fizikal melalui media sosial mengedit kan gambar-gambar yang tidak sebenar dan menyebar di media sosial. Selain itu, ada merakamkan video dan mengedit lalu menyebar di media sosial menyebabkan mangsa buli siber tersebut merasa malu dan tertekan. Manakala dari segi verbal seperti ia menggelar dengan nama yang buruk mangsa buli siber dan bercakap dengan bahasa kesat dalam media sosial. Ini akan menyebabkan psikologi mangsa buli siber tertekan kerana ia akan diketahui oleh semua kawan sibernya dan di ketawa dalam alam siber. Secara tidak langsung mangsa buli siber ini akan disisihkan oleh kawannya dan kesannya perasaan mangsa buli siber ini menjadi muram dan tidak bersemangat.

Buli siber ini boleh dirumuskan ia merupakan salah satu cabang dari buli tetapi kesan buli siber ini agak luas dari segi psikologi dan tingkah laku. Buli siber ini agak sukar dibanteras berbanding dengan buli kerana ramai mangsa buli siber tidak tampil untuk mendapatkan bantuan. Jadi kebanyakan mangsa buli siber akan diamkan diri dan lama-kelamaan dia akan mengalami masalah dari segi psikologi dan fizikal. Dari segi psikologi mangsa buli siber tersebut akan berasa tertekan, depresi (*depression*), keceluaran mood dan keceluaran emosi dan tingkah laku. Mangsa buli

siber ini akan sentiasa mengalami kecelaruan emosi dan tingkah laku dan ia akan menjelaskan kehidupan harian.

1.1.4 Apa itu internet?

Internet merupakan satu sistem sejagat di mana komputer disambung dengan rangkaian standard internet protokol (TCP/IP) ini untuk menampung billion pengguna. Rangkaian internet boleh di akses seluruh dunia melalui talian telefon, kabel atau satelit. Internet ini bukan dimiliki oleh individu, syarikat atau masyarakat tetapi internet bagi sesetengah negara dikawal dan diselia oleh kerajaannya. Rangkaian internet ini terdiri daripada pelbagai pihak seperti swasta, awam, akademik, perniagaan atau kerajaan dan kebanyakannya akses melalui broad band, wireless atau rangkaian optikal. Biasanya, servis atau perkhidmatan rangkaian internet adalah perlu dibayar kepada ISP iaitu pembekal perkhidmatan internet seperti *Maxis, Digi, Celcom, U mobile* dan sebagainya.

Internet membekalkan pelbagai perkhidmatan seperti e-mel, chat dalam masa nyata (teks, suara dan video) dan melayari ber billion-billion halaman maklumat daripada World Wide Web (WWW). Dalam laman web ini terdapat banyak koleksi dokumen seperti bidang perniagaan, peribadi, pendidikan dan kerajaan. Setiap laman web ini mengandungi pautan, pelayar dengan menggunakan tetikus klik sahaja dan

secara pantas nya dapat melayari kuantiti yang banyak dari segi perkhidmatan atau maklumat.

Secara umumnya internet di akses termasuk satelit, broadband (tanpa kabel), telefon pintar (menggunakan 3G atau 4G rangkaian selular) dan wireless (wi-fi). Bagi wi-fi umum boleh didapati di mana-mana tempat sahaja seperti pusat sumber, kedai kopi, pusat beli-belah, hotel dan terminal bas atau kapal terbang. Jadi boleh dikatakan wi-fi ini semakin umum dan peluang melayari internet semakin banyak berbanding dengan 10 tahun yang lalu. Dalam 90 an, kebanyakan pengguna menggunakan internet untuk mendapatkan maklumat dan muat turun maklumat. Manakala terdapat perubahan pada abad 21 ini, pengguna sudah tahu memuat naik maklumat untuk dikongsi melalui internet. Selain itu, bilangan pengguna menggunakan internet meningkat secara mendadak setelah telefon pintar dilancarkan. Hakikatnya boleh dilihat budak yang berumur 3 tahun memiliki telefon pintar dan mereka mahir dalam permainan atas talian dan seorang warga emas juga menggunakan telefon pintar chat secara talian dengan cucu atau anaknya. Maka boleh dirumuskan pada era ini tidak kira muda atau tua, seseorang akan memiliki sebuah telefon pintar dan boleh melayari internet dengan mudah sahaja.

Internet ini terdapat pelbagai perkhidmatan dalam talian seperti enjin carian (web browsing), e-mel (email), mesej dan berbual secara segera (instant messaging and chatting), telefon pintar (smart phones) dan aplikasi (apps). Bagi enjin carian ini memudahkan pengguna melalui perisian aplikasi ini untuk mencari maklumat dalam

internet. Pencarian maklumat meliputi artikel, dokumen, gambar, video atau lagu yang telah disimpan dalam laman web. Dalam setiap laman web ia terdiri dari alamat (URL) sendiri. Enjin carian yang paling popular digunakan adalah *Google Chrome*, *Mozilla Firefox*, *Internet Explorer*, *Opera* dan *Safari*. Bagi e-mel ialah pertukaran message secara atas talian dan ia juga boleh melampirkan dokumen, gambar atau video untuk menghantar kepada penerima. E-mel ini perlu memiliki satu akaun peribadi di internet. Kebanyakan e-mel boleh didaftar secara percuma seperti *hotmail*, *gmail*, *yahoo* atau *outlook*. Kebanyakan pengguna akan mendaftar beberapa akuan e-mel untuk kegunaan yang berbeza seperti salah satu untuk kegunaan secara peribadi dan satu lagi untuk pekerjaannya. Mesej dan berbual secara segera dan atas talian ini semakin popular digunakan. Kebanyakan menggunakan aplikasi ini secara berkumpulan atau individu. Ia mempercepatkan perbincangan sesuatu topik. Melalui aplikasi ini satu perbincangan secara kumpulan dapat dijalankan ini telah memudahkan. Contohnya dalam sekolah telah mengadakan satu tapak perbincangan bagi guru-guru dan guru besar. Jika terdapat apa-apa maklumat sahaja guru-guru boleh membangkitkan isu-isu yang berlaku di sekolah dan guru-guru berbincang dan mengetahui apa yang berlaku di sekolah. Ini telah memudahkan proses menyebarkan maklumat kepada guru besar dan guru. Aplikasi yang popular digunakan bagi mesej dan berbual secara segera adalah seperti *whatapp*, *wechat*, *line* atau *telegram* dan kebanyakan aplikasi adalah percuma.

1.1.5 Apakah yang kanak-kanak akan lakukan dalam talian?

Pelbagai kaedah yang digunakan oleh kanak-kanak hari ini untuk melayari laman web dan berinteraksi dengan orang lain amat mengejutkan. Perkhidmatan media sosial baharu tumbuh sebagai cendawan dan jumlah aplikasi serta permainan yang dihubungkan dengan talian semakin meningkat. Di samping itu, kebanyakan sekolah telah menggunakan perkhidmatan seperti Google Drive atau tapak VLE Flog dan memerlukan sesetengah atau semua tugas disiapkan dan dihantar secara dalam talian. Jadi secara tidak langsung, kegunaan laman web semakin meningkat menyebabkan risiko kanak-kanak menjadi mangsa buli siber ini juga turut bertambah. Selain kanak-kanak menggunakan laman untuk menghantar tugas. Menurut Michael (2014) berkata kanak-kanak yang berumur 8 hingga 11 tahun sebanyak 85 hingga 87 peratus daripada mereka melayari laman web untuk memainkan permainan atas talian . Manakala 75 hingga 87 peratus mereka membuat tugas dan 73 hingga 79 peratus kanak-kanak akan melayari internet. Justeru itu, bagi kanak-kanak yang berumur 12 hingga 15 tahun sebanyak 95 peratus daripada mereka melayari internet untuk tujuan belajar, 69 hingga 86 peratus mereka suka melayari laman se sawang sosial dan 69 hingga 83 peratus daripada mereka suka mendengar lagu atas talian.

Daripada kajian yang dikaji oleh Michael (2014) ini didapati media sosial merupakan media yang paling gemar oleh kanak-kanak. Dalam kedudukan media sosial paling gemar di kalangan kanak-kanak adalah *Facebook* sebanyak 13 million pengguna. Kedua gemar adalah *Youtube* sebanyak 11.5 million. Manakala bagi tapak

blog yang gemar adalah seperti *Wordpress* 3.15 million, *Blogspot* 3 million, *LinkedIn* 3 million dan *Tumblr* sebanyak 2.5 million. Selain itu, *Twitter* dan *Instagram* sebanyak 2.17 million dan 1.47 million. Media sosial ini kian digemari dan ia merupakan satu alat untuk mengeratkan hubungan dengan kawan, ahli keluarga mahupun saudara mara. Didapati di sesetengah negara seperti Australia , media sosial seperti *Facebook* mempunyai had umur iaitu 18 tahun ke atas sahaja boleh menjadi ahli. Ini merupakan satu undang-undang untuk melindungi kanak-kanak daripada buli siber.

Selain daripada media sosial, kanak-kanak yang paling suka melayari internet adalah memuat turun aplikasi (*downloading apps*) untuk kegunaan di telefon pintar, komputer atau komputer rimba. Kebanyakan aplikasi dalam internet adalah percuma. Akan tetapi, sesetengah aplikasi-aplikasi percuma ini mengandungi unsur-unsur ganas, lucah dan tidak berkualiti. Ini akan merosakkan minda dan pemikiran kanak-kanak. Contoh-contoh aplikasi gemar dimuatkan turun oleh kanak-kanak adalah seperti *Kik Messenger*, *telegram*, *Poof!*, *Snapchat*, *9Gag* dan *iFunny*.

Permainan atas talian juga merupakan aktiviti yang paling kerap dijalankan oleh kanak-kanak. Contohnya dalam *apps store apple* atau *android* terdapat banyak aplikasi permainan atas talian seperti *candy crush*, *club penguin*, *habbo*, *minecraft*, *moshi monsters*, *neopet* dan *poptropica*. Ini merupakan satu tapak kemudahan untuk memuat turunkan aplikasi permainan atas talian dalam telefon pintar atau komputer rimba.

Selain daripada permainan atas talian, kanak-kanak juga menggunakan alat teknologi maklumat untuk kegunaan membuat kerja rumah. Semakin banyak sekolah menggalakkan para guru atau pelajar menggunakan tapak VLE Flog untuk membuat bahan pengajaran dan pembelajaran dan pelajar mempelajari atau menghantar kerja rumah melalui tapak ini. Secara tidak langsung, kaedah ini menggalakkan pelajar menggunakan teknologi terkini untuk menyiapkan tugas dengan mudah.

Perkara yang kerap dibuat oleh kanak-kanak selain daripada permainan atas talian, pembelajaran dan media sosial adalah memuat turun muzik dan video. Mereka menggunakan internet untuk mendengar lagu dan menonton video melalui aplikasi. Selain itu, mereka boleh membuka perkongsian file seperti P2P (peer to peer) untuk memuatkan turun lagu tersebut dan kaedah untuk memuat turun sumber ini adalah secara percuma.

1.1.6 Apa itu buli siber?

Buli siber merupakan perbuatan mengancam, menakutkan atau memalukan seseorang melalui media atau medium elektronik seperti mesej teks, chatting (*wechat, whatapp atau line*) dalam media sosial, e-mel, laman web sosial seperti *facebook, youtube, twitter* dan *skype*, telefon bimbit pintar dan permainan internet.

Pembulian siber adalah perkara-perkara bertulis atau dalam bentuk gambar yang dipaparkan di alam siber bagi tujuan menghina atau memperlekehkan orang lain.

Jenis - jenis buli siber

Terdapat pelbagai jenis buli siber antaranya ialah:

- Mesej yang mengganggu dan mengancam. Contohnya menghantar mesej teks yang menggunakan perkataan kasar atau lucah seolah-olah mengganggu emosi pembaca.
- Menyalahgunakan kata laluan atau nama skrin orang lain atau menyamar sebagai orang lain. Contohnya penggodam hack sistem untuk mendapatkan maklumat peribadi orang lain.
- Memanjangkan e-mel, video atau foto kepada orang lain seperti mengedit kan foto atau video selebriti untuk memburukkan nama baiknya mahupun menyebarluaskan maklumat palsu melalui e-mel.
- Memuat naik gambar atau komen yang tidak senonoh. Gambar - gambar yang telah edit dengan mengandungi unsur lucah dan di muat naik ke laman web sosial untuk memburukkan nama seseorang.
- Memalukan individu tertentu daripada sesuatu kumpulan internet dengan sengaja.
- Menggugat orang lain dalam internet.

- Membuat komen di atas talian dengan niat jahat atau tidak baik mengenai seseorang.

Contoh - contoh bagi buli siber

Contoh 1:

Kes ini dipetik dari jurnal Cowie dan Colliety (2010).

Jason berumur 15 tahun dan personalitinya lebih bersifat ekstrovert. Dia sangat aktif melayari laman web sosial. Dalam laman web sosial Jason, dia mempunyai lebih kurang 300 rakan siber. Dia berkawan dalam laman web sosial tanpa mengira sama dia mengenali atau tidak. Satu kes berlaku di mana rakan siber yang tidak dikenali oleh Jason telah menyebar dan komen di laman web Jason dengan perkataan yang lucah dan tidak senonoh dan menyebabkan Jason malu. Perkara ini telah menyebabkan kehidupan Jason terjejas dan di ketawa oleh rakan siber nya pada halnya ini bukan salah Jason. Kes ini perasaan Jason menjadi depresi dan keceluaran mood. Ibu bapa Jason mengetahui kes ini mereka terus membuang rakan siber tersebut daripada senarai rakan siber Jason supaya perkara ini dapat diselesaikan. Setelah membuang rakan siber ini, Jason membuat penyenggaraan (*setting*) kepada *mode private* supaya perkara ini tidak lagi timbul.

Contoh 2:

Kes ini dipetik dari jurnal Cowie dan Colliety (2010).

Seorang guru yang bernama Mrs. Brown, beliau sangat aktif dalam laman web sosial dan kebanyakan kawan siber nya adalah anak murid beliau. Satu kes berlaku di atas Mrs Brown ini iaitu dalam laman web sosial beliau telah disebar khabar angin iaitu beliau adalah seorang yang *gay* dan mempunyai kehidupan yang kelang kabut. Gosip ini telah menyebar secara berleluasa dan seluruh sekolah pun membincangkan perkara ini. Khabar angin ini menyebabkan nama baik dan kehidupannya terjejas. Pengetua beliau menyiasat kes ini dan didapati khabar angin yang disebar oleh pelajar Mrs Brown. Akhirnya untuk menamatkan gosip ini, pengetua menjelaskan dan meminta pelajar tersebut minta maaf kepada Mrs Brown semasa perhimpunan. Hukuman bagi pelajar ini digantung sekolah selama satu minggu dan tindakan tatatertib diambil.

Contoh 3:

Kes ini dipetik dari Sinar Harian, Aswany Omar , 6 Disember 2014.

Perkara ini berlaku di Kuantan, Pahang dan mangsa buli siber merupakan seorang remaja perempuan yang berusia 12 tahun. Remaja ini telah di buli secara siber melalui aplikasi laman *We Chat* sehingga membabitkan ugutan fizikal yang

menakutkan. Remaja tersebut ketakutan selepas menerima ugutan daripada beberapa rakan sekolahnya.

Kegiatan tersebut dilakukan oleh kira-kira 13 orang remaja perempuan yang membuli dan menggunakan kata-kata kesat yang tidak sesuai dengan usia mereka. Ibu mangsa buli siber tersebut terkejut melihat mesej yang dihantar dengan menggelarkan anak beliau dengan pelbagai perkataan termasuk mengugut untuk memukul dan menyumbat mulut dengan kayu golf.

Walau bagaimanapun anak beliau selamat dan tidak di buli secara fizikal. Ibu beliau mengambil keputusan untuk menukar anaknya ke sekolah lain. Ibunya juga telah membuat laporan kepada pihak-pihak berkuasa berkaitan perkara tersebut.

Contoh 4:

Kes ini dipetik dari Sinar Harian, 30 April 2013.

Kes ini berlaku di England dan seorang kanak-kanak yang sering dibuli melalui laman web sosial menggantung dirinya di rumahnya Evesham, Worcestershire, Britain. Menurut laporan dipetik Daily Online, Kate Webb yang berusia 12 tahun bertindak demikian selepas sering dikritik oleh rakan siber tentang pakaian dan fesyen rambutnya.

Disebabkan sering dikritik menyebabkan kanak-kanak ini fikiran tertekan dan membuat keputusan untuk membunuh diri.

Contoh 5:

Kes ini dipetik dari jurnal Cowie dan Colliety (2010).

Mangsa buli siber adalah seorang remaja perempuan yang berusia 15 tahun berasal dari Middle town, New York. Perkara buli siber ini berlaku secara tiba-tiba iaitu sekumpulan perempuan yang beliau sangka mereka telah memburukan namanya di *Myspace*. Mereka membuat akaun *Myspace* palsu dan meletakkan maklumat peribadi seperti nombor telefon, email dan sebagainya. Mereka juga edit gambar beliau dan menjadikan ia satu gambar seksual dan memuat-naik ke dalam akaun palsu itu.

Kemudian beliau mula-mula mendapat panggilan dan di hendap oleh lelaki yang tidak dikenali. Mereka mengugut mahu membunuh dan menghantar mesej kepada beliau. Beliau takut untuk keluar dari rumah dan mengangkat telefon. Beliau hidup dalam ketakutan buat masa yang lama. Beliau membuat keputusan untuk memadamkan semua maklumat di internet dan menukar nombor telefon. Beliau menyambung pengajian di luar kawasan tempat tinggal nya untuk mengelakkan dari perkara tersebut. Kini beliau telah 22 tahun dan masih keterkesan dengan peristiwa tersebut. Beliau berkata ia amat sukar untuk pulih dari trauma ini tetapi masa kini

beliau lebih tabah dan kuat dan bukan lagi kanak-kanak perempuan berusia 15 tahun yang lalu.

1.2 Latar belakang Kajian

Buli siber bukan lagi perkara yang baru pada zaman ini dan punca-puncanya adalah disebabkan kemajuan teknologi maklumat yang canggih. Masalah sosial ini bukan berlaku di negara kita malah ia juga berlaku di mana-mana negara terutamanya bagi negara maju seperti Amerika Syarikat, Britain, Jerman, Japan, Singapore dan lain-lain lagi. Menurut Gorzig dan Olafsson (2012), berkata tradisional buli adalah mudah dikesan berbanding dengan buli siber. Buli siber ini sukar dikesan walaupun terdapat undang-undang siber tetapi ia sukar ditangkap kerana kebanyakan pembuli siber ini menyamarkan nama dan identitinya untuk membuli mangsa buli siber. Tambahan pula, seseorang tidak kira orang dewasa atau kanak-kanak jika tempoh melayari laman web yang lama dan aktif kebarangkalian tinggi akan menjadi target pemangsa buli siber. Kajian-kajian lepas yang dikaji oleh Schultze-Krumbholz, Jakel , Schultze dan Scheithauer (2012) menunjukkan bahawa kebanyakan mangsa-mangsa buli siber adalah perempuan berbanding dengan lelaki. Tambahan pula, dalam kajian Roberto, Eden, Savage, Ramos-Salazar dan Deiss (2014) menunjukkan sebanyak 56% perempuan adalah mangsa buli siber dan 34% adalah mangsa buli siber lelaki di mana umur mereka dalam lingkungan 13 hingga 17 tahun. Kajian yang dibuat adalah mengkaji tentang faktor-faktor internal seperti depresi dan kesunyian manakala faktor

external adalah pencerobohan reaksi (*reaction aggression*) dan faktor penyebab pencerobohan (*instrumental aggression*). Dalam kajian didapati di kalangan mangsa buli siber lelaki ini mereka tidak akan menunjukkan apa-apa perasaan dan tanda dalam kehidupan harian berbanding dengan perempuan. Selain itu, untuk mengetahui tanda-tanda seorang mangsa buli siber ini adalah berhenti menggunakan komputer secara tiba-tiba, ponteng sekolah, suka mengasingkan diri dan pendiam. Manakala tanda - tanda seorang pembuli siber adalah menggunakan pelbagai akaun laman web sosial atau menggunakan akuan bukan miliknya, mula berkawan dengan kelompok yang “salah” dan mempamerkan kecenderungan yang ganas.

Whittaker dan Kowalskia (2014) telah mereka dan membina satu taxonomi untuk menguji mangsa buli siber. Taxonomi ini mengandungi enam kategori iaitu penceroboh siber terhadap kumpulan yang lemah seperti anak yatim di mana kumpulan ini kemungkinan besar menjadi mangsa buli siber secara tidak dikesani. Kategori yang kedua iaitu penceroboh siber terhadap rakan sebaya. Di mana antara rakan siber dengan kumpulan yang sama saling buli. Selain itu, kategori ketiga penceroboh siber secara rawak iaitu pembuli siber ini memilih mangsa buli siber secara rawak boleh di kalangan rakannya dan juga di mana-mana rakan yang tidak kenal. Keempat adalah penceroboh siber terhadap kumpulan di mana pembuli siber mencari mangsa buli dari kumpulan yang sama agama atau bangsa. Kategori kelima adalah penceroboh siber terhadap selebriti. Contohnya mangsa buli ini adalah dari kumpulan yang terkenal seperti penyanyi, pelakon atau orang politik. Akhirnya kategori keenam adalah penceroboh siber terhadap kakitangan sekolah. Contoh

kumpulan mangsa buli adalah dari pihak pentadbir sekolah, kakitangan sekolah dan guru-guru sekolah. Pembinaan taxonomi untuk mengkaji persepsi terhadap buli siber yang berlaku dan kesan mangsa buli siber dari segi psikologi dan fizikal.

Buli siber ini berlaku disebabkan faktor psikologi dan personaliti terhadap pembuli siber mahupun mangsa buli siber. Faktor psikologi ini seperti keseronokan buli melalui laman sosial dengan cuma menggunakan perkataan atau teks dan ia berbanding lebih berkesan kerana teks yang dipaparkan di laman sosial ini dapat disebarluaskan dengan cepat. Cara ini lebih senang berbanding tradisional buli iaitu bergaduh atau tumbuh.

Tujuan kajian yang dikaji untuk mengetahui kesan buli siber terhadap sikap dan tingkah laku pelajar. Kesan yang mungkin berlaku terhadap pelajar-pelajar seperti dari segi psikologi menjadi diam diri, tidak suka bergaul, asingkan diri, muram, kecelaruan emosi dan sebagainya.

1.3 Permasalahan Kajian

Beberapa penulis (Mark dan Ratcliffe, 2011; Wong dan Bullock, 2011) berpendapat bahawa kesan daripada buli siber terhadap mangsa buli siber adalah seperti prestasi akademik menurun, sering ponteng sekolah, kemurungan, kecewa dan bunuh diri. Ini merupakan kesan yang tersembunyi dari segi internal seperti sikap, tingkah laku dan

emosi terganggu akibat mereka di buli. Selain itu, (Beckman, Hagquist dan Hellstrom, 2012) menyatakan kesan buli siber juga akan mengakibatkan mangsa buli siber menghadapi masalah dari segi kesihatan seperti perasaan atau fikiran negatif, tertekan, keganasan dan masalah mental. Masalah ini akan berlarut sehingga menyebabkan masalah psikiatrik. Krumbholz, Jakel, Schultze dan Scheithauer (2012) menyatakan buli siber akan mengakibatkan masalah internal bagi mangsa buli siber. Kebanyakan mangsa buli siber selepas di buli mereka akan menjadi mudah curiga terhadap persekitaran. Ini akan menyebabkan perasaan mudah menimbulkan perasaan kebimbangan, malu, tidak berdaya dan sedih. Masalah internal akan menyebabkan mangsa buli siber mengalami masalah dari segi emosi dan kesihatan. Contohnya dalam kajian lepas, di German kebanyakan mangsa buli siber ini menghadapi masalah kesihatan seperti kecelaruan tidur, sakit kepala dan sakit perut. Masalah kesihatan ini mengganggu kehidupan seharian mangsa buli siber. Kesan terhadap mangsa buli siber selain daripada masalah mental dari segi moral kemungkinan mangsa buli siber tersebut akan mengambil dadah atau alkohol untuk menghilangkan perasaan tertekan. Secara langsung kesan buli siber akan menyebabkan mangsa buli siber mengalami masalah emosi, tingkah laku dan sikap.

Selain itu, menurut kajian yang dikaji oleh (Li, 2010) menyatakan kemungkinan besar menjadi target atau sasaran mangsa buli siber ini disebabkan kekerapan menggunakan komputer atau telefon bimbit pintar untuk melayari internet. Kegunaan komputer atau telefon bimbit pintar yang tinggi kemungkinan besar akan menjadi sasaran mangsa buli siber. Tambahan pula, didapati kajian yang dikaji oleh

(Li, 2010) ini dua per tiga pelajar mengakui pernah di buli oleh pembuli siber dan 40% daripada mangsa buli siber ini mereka tidak mengetahui siapa yang membuli nya. Kebanyakan mangsa buli siber tidak akan memberitahu ibu bapa atau guru apabila mereka mengalami buli siber. Sebab mereka takut kemudahan seperti internet, komputer atau telefon bimbit akan dirampas dan dihentikan menggunakan alat teknologi ini. Selain itu, mangsa buli siber juga menganggap ibu bapa atau guru tidak dapat menyelesaikan masalah ini walau diberitahu kepada mereka. Kesan mangsa buli siber ini akan menyimpan masalah dalam hati akan lama-kelamaan mangsa buli siber menghidapi penyakit internal.

Di Malaysia, kajian-kajian mengenai kesan buli siber agak kurang berbanding dengan luar negara terutamanya bagi negara maju. Maka kurang kajian ini tidak membawa maksud tiada kes buli siber berlaku di Malaysia. Kita boleh sering membaca surat khabar bahawa terdapat masalah buli siber dan kian bertambah. Adakah kesan buli siber ini terhadap sikap dan tingkah laku pelajar di Malaysia? Maka rujukan literatur menunjukkan bahawa setakat ini belum ada kajian dilaksanakan mengenai kesannya buli siber terhadap sikap dan tingkah laku pelajar.

Sehubungan ini, kajian ini bertujuan untuk meneroka dan mengenal pasti kesan-kesan buli siber terhadap sikap dan tingkah laku pelajar. Kajian ini dibuat supaya dapat memberi maklumat kepada guru-guru sekolah atau ibu bapa untuk mengelakkan mangsa buli siber ini melakukan perkara seperti ponteng sekolah, buli atau bunuh diri berlaku.

1.4 Objektif Kajian

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengetahui kesan buli siber terhadap sikap dan tingkah laku di kalangan pelajar sekolah rendah.

Objektif khusus kajian ini adalah,

1. Untuk mengenalpasti sama ada terdapat perhubungan antara kesan buli siber terhadap sikap dan tingkah laku pelajar sekolah rendah.
2. Untuk mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan buli siber mengikut kategori pelajar iaitu mangsa buli, pemerhati dan pembuli.
3. Untuk mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan buli siber di kalangan pelajar sekolah mengikut jantina.
4. Untuk mengenalpasti sama ada terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan buli siber di kalangan pelajar sekolah mengikut lokasi tempat tinggal.
5. Untuk mengenalpasti sama ada terdapat perhubungan antara kesan buli siber dan kekerapan penggunaan internet di kalangan pelajar sekolah rendah.
6. Untuk mengenalpasti sejauh mana kesedaran pelajar terhadap buli siber.
7. Untuk mengenalpasti apa akan berlaku selepas pelajar di buli dalam alam siber.
8. Untuk mengenalpasti sejauh mana apa pelajar akan lakukan apabila mereka menyaksikan buli siber ini.
9. Untuk mengenalpasti sejauh mana apa berlaku selepas pelajar membuli kawan dalam alam siber.

10. Untuk mengenalpasti bagaimana mangsa buli ini memilih untuk melaporkan kejadian ini.
11. Untuk mengenalpasti pandangan pelajar terhadap buli siber ini.


1.5 Persoalan Kajian

Kajian ini akan menjawab persoalan-persoalan berikut;

1. Adakah terdapat perhubungan antara kesan buli siber terhadap sikap dan tingkah laku pelajar sekolah rendah?
2. Adakah terdapat perbezaan signifikan antara kesan buli siber mengikut kategori iaitu mangsa buli, pemerhati dan pembuli?
3. Adakah terdapat perbezaan signifikan antara kesan buli siber di kawasan bandar atau luar bandar?
4. Adakah terdapat perbezaan signifikan antara kesan buli siber dengan pelajar lelaki dan perempuan?
5. Adakah terdapat perhubungan antara buli siber dengan kekerapan penggunaan internet?
6. Apakah kesedaran pelajar mengenai buli siber ?
7. Apakah akan berlaku selepas pelajar di buli dalam alam siber?
8. Apakah pelajar akan lakukan apabila mereka menyaksikan buli siber ini?
9. Apakah akan berlaku selepas pelajar membuli kawan dalam alam siber?
10. Bagaimanakah mangsa buli ini memilih untuk melaporkan kejadian ini?

11. Apakah pandangan pelajar terhadap buli siber ini?

1.6 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1 Kerangka konseptual kajian

Kajian ini terdiri daripada pembolehubah tak bersandar iaitu buli siber. Menurut kajian yang dikaji oleh (Li, 2010) mendefinisikan buli siber ialah menggunakan teknologi untuk menghantar teks, video atau gambar dengan gangguan yang berterusan, sebarang penghinaan dan penggugatan yang dilakukan di alam siber. Contohnya yang dipetik dari Utusan Online (Sholina Osman, 2011) seorang pelajar tingkatan empat yang bernama Asraf memberitahu biasanya perbuatan buli itu dilakukan oleh sekumpulan pelajar yang biasanya menggunakan laman sosial seperti

Facebook (FB) untuk membuli rakan dan juga guru. Melalui perbuatan tersebut kumpulan pelajar terbabit akan menceroboh laman sosial rakan-rakan dan guru mereka dengan meletakkan pelbagai status dan komen yang memalukan. Dalam kes Asraf ini, rakan-rakan dan saudara mara yang menjadi kawan siber dalam laman web sosial akan sepanjang masa membaca dan melihat status Asraf. Ini disebabkan berdasarkan status nya dalam laman web sosial akan dikemas kini hampir setiap minit. Maknanya, Asraf telah menjadi mangsa buli siber di Internet oleh rakan-rakannya kerana rakannya memberi komen yang memalukan dalam Facebook. Langkah yang diambil oleh Asraf adalah menghenti menggunakan laman sosial supaya mengelakkan rakan-rakan sekolah membuli nya.

Manakala bolehubah bersandar iaitu sikap sama ada mangsa buli siber, pemerhati atau pembuli. Kesan buli siber terhadap sikap negatif terhadap mangsa buli siber terutamanya dari segi psikologi seperti sedih, kurang keyakinan, malu dan penghargaan diri yang rendah. Sikap bagi pemerhati akibat daripada buli siber terdapat perubahan dan bersedia melakukan buli siber. Maka kejadian buli siber tidak dapat diselesaikan. Pembuli merupakan orang yang pertama memulakan kejadian buli siber. Sikap pembuli hanya untuk meluahkan perasaan benci dan ingin membalias dendam terhadap mangsa buli siber. Selain daripada sikap, tingkah laku merupakan satu lagi boleh ubah bersandar terhadap kesan buli siber ini. Kesan buli siber mempengaruhi tingkah laku mangsa buli siber, pemerhati dan pembuli. Apakah langkah yang seterusnya selepas mangsa buli siber dibuli? Iaitu kebanyakan mereka akan memilih mendiamkan diri agar kejadian buli siber akan berhenti. Bagi

pemerhati kemungkinan selepas melihat kejadian buli siber, dia akan membuli orang lain. Dalam kerangka konseptual kajian ini memberikan gambaran yang jelas bahawa kesan buli siber terhadap sikap dan tingkah laku pelajar sekolah rendah.

1.7 Hipotesis kajian

1. Hipotesis nol 1:

Tidak terdapat perhubungan antara kesan buli siber dengan sikap dan tingkah laku pelajar sekolah rendah.

2. Hipotesis nol 2:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan buli siber dengan mengikut kategori pelajar iaitu mangsa buli, pemerhati dan pembuli.

3. Hipotesis nol 3

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan buli siber dengan kawasan bandar atau luar bandar.

4. Hipotesis nol 4:

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara kesan buli siber dengan pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

5. Hipotesis nol 5:

Tidak terdapat perhubungan antara buli siber dengan kekerapan penggunaan internet.

1.8 Kepentingan Kajian

Buli siber tidak dinafikan merupakan satu masalah sosial kepada ibu bapa, guru mahupun pihak sekolah pada masa kini. Masalah buli siber secara tidak langsung juga akan menyebabkan pelbagai masalah lain seperti buli, gangterisme, ponteng sekolah, bunuh diri dan sebagainya. Masalah ini memberi kesan yang mendalam terhadap perkembangan pelajar itu sendiri baik dari segi perkembangan intelek dan jasmani mahupun perkembangan rohani dan emosi. Buli siber ini akan memberi kesan kepada kedua-dua pihak yang terlibat iaitu pembuli dan mangsa buli siber. Masalah buli siber akan menyebabkan pelajar utamanya yang menjadi mangsa buli siber merasakan dunia ini tiada harapan dan selamat. Mangsa buli siber menganggap semua orang pun mengejek, ketawa, menggunakan bahasa yang kasar dan dia tidak mengetahui bagaimana menyelesaikan masalah ini. Melalui kajian ini, penyelidik ingin mengetahui bagaimana perasaan mangsa buli siber dan ingin memberitahu pihak ibu bapa dan pihak sekolah untuk memainkan peranan masing-masing supaya mereka tahu kaedah-kaedah atau masalah ini berlaku. Melalui pihak ibu bapa cara untuk melindungi anak-anaknya menjadi target buli siber. Selain itu, kajian ini dikaji supaya terdapat satu gambaran terhadap sikap dan tingkah laku bagi mangsa buli siber, pemerhati dan pembuli dalam masalah buli siber ini. Satu gambaran yang menyeluruh tentang masalah buli siber di kalangan pelajar sekolah dapat dilihat dan difahami.

Kajian ini akan dapat memberikan satu gambaran umum tentang masalah buli siber terhadap sikap dan tingkah laku mangsa buli siber, pemerhati dan pembuli di kalangan pelajar sekolah rendah. Dapatkan daripada kajian ini juga akan dapat menjelaskan masalah buli siber terhadap tingkah laku mangsa buli siber dan pembuli, kekerapan penggunaan komputer, perbezaan jantina atau kawasan bandar dan luar bandar.

Selain itu, dapatkan kajian juga akan dapat digunakan sebagai garis panduan serta asas kepada pembentukan polisi bagi menangani dan mencegah masalah buli siber di sekolah. Dapatkan kajian ini akan membantu guru untuk mengatasi dan mencegah masalah buli siber yang berlaku di kelas atau di sekolah. Ia juga dapat membantu ibu bapa supaya mengetahui anaknya di buli dalam alam siber dan kaedah untuk mengatasi masalah ini.

Keadaan ini dapat memberi lebih kefahaman tentang masalah buli siber di sekolah rendah kepada semua pihak yang terlibat dengan sekolah seperti pengurus sekolah, guru-guru, ibu bapa dan pelajar itu sendiri. Gambaran dan kefahaman yang lebih menyeluruh perlu supaya program-program intervensi dapat dirancang serta dilaksanakan dengan berkesan oleh pihak sekolah dan juga pihak-pihak yang berkaitan seperti persatuan ibu bapa dan guru (PIBG), badan-badan bukan kerajaan dan pertubuhan belia.

1.9 Limitasi Kajian

Kajian ini adalah terhad kepada rujukan jurnal-jurnal atau buku yang mengkaji masalah buli siber di Malaysia kerana pada masa kini kekurangan kajian dikaji di negara kita berbanding di luar negara. Kebanyakan rujukan yang dirujuk adalah kebanyakannya dari luar negara. Maka soal selidik yang dirujuk perlu diubah suai supaya menyesuaikan keadaan yang berlaku di negara kita.

Selain itu, persampelan yang diambil dari negeri Perak iaitu daerah Larut Matang dan Selama supaya mengkaji dari segi perbezaan bandar dan luar bandar. Dari luar bandar ia adalah masalahnya kerana bilangan pelajar yang memiliki alat teknologi adalah terhad berbanding dengan pelajar di bandar.

Dalam pada itu, kebanyakan mangsa buli siber tidak ingin memberitahu dia pernah menjadi target. Manakala bagi pembuli itu dia tidak mengakui dia membuli. Keadaan ini sukar ditentukan dan pembuli ini kemungkinan dia menggunakan nama samaran (*anonymous*) untuk menyembunyikan identitinya.

Pembolehubah - pembolehubah seperti sikap dan tingkah laku mangsa buli siber, pemerhati dan pembuli yang digunakan untuk menganalisis bagi menjawab persoalan kajian adalah terhad kepada apa yang dinyatakan dalam kajian ini sahaja. Faktor-faktor dan punca-punca tidak dinyatakan dalam kajian ini adalah tidak dikaji.

Dapatkan kajian ini juga amat bergantung pada kejujuran pelajar-pelajar yang terpilih sebagai responden dalam memberikan jawapan tepat dan benar kepada soal selidik yang diberikan.

1.10 Definasi Operasi

Definisi istilah berikut adalah dalam konteks kajian ini sahaja.

a. Buli siber

Menurut kajian yang dikaji oleh (Li, 2010) ini buli siber didefinisikan menggunakan teknologi untuk menghantar teks, video atau gambar dengan gangguan yang berterusan, sebarang penghinaan dan penggugatan yang dilakukan di alam siber iaitu internet, tanpa wayar atau telefon bimbit pintar ke atas seseorang remaja ataupun kanak-kanak. Justeru itu, menurut (Li, 2010) buli siber ini boleh dikategorikan kepada nyalaan (flaming), gangguan, *cyberstalking*, cacian, penyamaran, tipu muslihat dan pengecualian.

- i. Nyalaan (flaming) ialah menghantarkan mesej yang mengandungi unsur marah, kurang ajar dan kesat kepada seseorang dalam talian.
- ii. Gangguan ialah berulang kali menghantar mesej, video atau gambar yang menyinggung perasaan seseorang.

- iii. *Cyberstalking* ialah gangguan yang mengandungi unsur ancaman kecederaan atau yang menakutkan.
- iv. Cacian ialah menghantar atau *post* kenyataan yang mengandungi unsur yang berbahaya, tidak benar atau kejam terhadap seseorang.
- v. Penyamaran ialah menyamar identiti seseorang dan menghantar (post) sesuatu dalam talian supaya menjatuhkan imej atau nama baik seseorang.
- vi. Tipu muslihat ialah menghantar (post) sesuatu tidak kira maklumat peribadi atau maklumat sensitif dan mengemukakan mesej atau gambar peribadi dalam talian.
- vii. Pengecualian ialah tindakan yang khusus dan sengaja mengasingkan seseorang daripada kumpulan dalam talian.

 05-4506832  pustaka.upsi.edu.my  Perpustakaan Tuanku Bainun  PustakaTBainun  ptbupsi

Definisi buli siber kajian ini ialah sesuatu buli atau gangguan yang melibatkan golongan bawah umur menerusi aplikasi alat berteknologi seperti komputer, telefon bimbit pintar dan lain-lain untuk menghantar mesej, video atau gambar. Buli siber ini berlaku apabila seseorang individu biasanya di kalangan remaja atau kanak-kanak di buli, diganggu, diugut atau dimalukan di alam siber.

b. Pelajar

Menurut kamus dewan, 1996 mendefinisikan pelajar ialah orang yang belajar seperti murid sekolah, penuntut di maktab atau orang yang mengaji iaitu menyelidik ilmu. Manakala bagi definisi pelajar dalam kajian ini ialah orang yang belajar di sekolah

rendah. Di mana pelajar ini merujuk kepada sesiapa yang sedang atau keadaan belajar di tahun enam dan umurnya dalam lingkungan 11 tahun ke 12 tahun.

c. Mangsa buli siber

Menurut (Azizi Yahaya, Jamaludin Ramli, Abdul Latif Ahmad dan Zurhana Muhamad, 2007), mangsa buli siber ialah seseorang yang menjadi sasaran bagi pelbagai tingkah laku agresif. Selain itu, mangsa buli siber ialah orang yang di buli atau sasaran pembuli. Kanak-kanak yang sering menjadi mangsa buli siber lazimnya menonjolkan ciri-ciri tingkah laku dalaman seperti sikap pasif, sensitif, pendiam, lemah dan tidak akan bertindak balas sekiranya diserang atau diganggu. Secara umumnya, kanak-kanak ini mempunyai keyakinan diri dan penghargaan kendiri yang rendah. Kanak-kanak seperti ini sering kali menganggap diri mereka sebagai individu yang lemah, tertekan dan sentiasa berada dalam kebimbangan. Mangsa buli siber lebih lemah daripada pembuli. Pembuli lazimnya memilih mangsa buli siber untuk di buli. Punca seseorang individu atau pelajar di buli ialah kelainan yang ada pada dirinya, ciri-ciri fizikal yang ada pada dirinya, provokatif, ciri-ciri personaliti yang ada pada dirinya, sentiasa menyendiri dan orang baru. Dengan ciri-ciri ini ia kemungkinan besar menjadi mangsa buli siber.

Mangsa buli siber dalam kajian ini ialah sasaran atau target dalam buli siber seperti menerima mesej, video atau gambar yang mengganggu dan mengancam. Ataupun pernah difitnah atau berita angin mengenai mangsa buli siber disebarkan.

Selain itu, maklumat mangsa buli siber peribadi pernah disebarkan tanpa kebenaran atau seseorang menggodam akaun atas talian mangsa buli siber. Tambahan pula, seseorang memuat naik gambar atau video yang memalukan dan mangsa buli siber pernah diugut atau dipaksa melakukan sesuatu.

d. Pemerhati

Menurut kamus dewan, 1996 mendefinisikan pemerhati ini sebagai orang yang mengikut perkembangan sesuatu atau orang yang menghadiri persidangan dan sebagainya tetapi tidak mengambil bahagian dalam perbincangan. Akan tetapi dalam kajian ini pemerhati ini ialah golongan yang terlibat dalam kejadian buli siber secara tidak langsung. Pemerhati ini sama ada mereka yang memberikan sokongan moral kepada pembuli atau mereka yang melihat, tidak mampu mencegahnya dan bersimpati dengan mangsa buli siber.

e. Pembuli

Menurut (Azizi Yahaya et al., 2007), pembuli ini cenderung untuk menganggap bahawa dirinya sentiasa diancam dan berada dalam bahaya. Pembuli ini biasanya bertindak menyerang sebelum diserang sebagai justifikasi dan sokongan terhadap tingkah laku yang agresif yang telah dilakukan. Secara lazim, pembuli terdiri daripada mereka yang kuat fizikalnya dengan penghargaan kendiri yang baik dan berkembang. Pembuli juga tidak mempunyai perasaan bertanggungjawab terhadap

tindakan yang telah mereka lakukan, sering berasa ingin mengawal dan mendominasi, serta tidak mampu memahami dan menghargai orang lain. Personaliti pembuli ini mereka mempunyai sifat diri seperti mempunyai tahap kebimbangan yang rendah, tidak takut kepada kesan yang dilakukan dan kurang sifat empati.

Dalam kajian ini pembuli didefinisikan sebagai orang yang mempermain-main orang dan biasanya orang yang lemah dengan tujuan untuk menggertak atau menakutkan orang. Pembuli ini akan menggunakan medium teknologi untuk membuli, dan menggugat orang lain di Internet. Selain itu, pembuli akan membuat komen di atas talian dengan niat jahat atau tidak baik mengenai seseorang dan menyamar sebagai orang lain di atas talian.

Menurut (Azizi Yahaya, Yusof Boon, Jamaludin Sidek Latif, Fawziah Yahya dan Amir Hamzah Abdul, 2004) sikap merujuk kepada penilaian umum yang kekal, dibuat oleh individu terhadap dirinya sendiri, individu lain, objek atau isu. Kekal ini bermaksud sikap cenderung untuk tegar sepanjang masa. Sikap ini bersifat abstrak. Sikap ialah representasi mental yang tidak berubah dengan dunia sosial atau fizikal. Sikap ini boleh dibahagikan kepada tiga komponen utama iaitu kognitif, afektif dan tingkah laku. Komponen kognitif merujuk kepada pemikiran, kepercayaan, idea, fakta, dan pengetahuan terhadap sesuatu. Manakala komponen afektif melibatkan keadaan emosi yang positif atau negatif terhadap sesuatu. Komponen ini merangkumi

unsur hormat-menghormati, menyukai, dan simpati yang merupakan perasaan emosi positif. Bagi perasaan negatif pula melibatkan penghinaan, takut, dan reaksi yang berubah-ubah. Komponen tingkah laku pula memperihalkan kepada niat untuk bertindak dalam cara yang tertentu agar tingkah laku selari dengan sikap.

Dalam kajian ini, sikap memberi maksud perbuatan atau pandangan yang berdasarkan pada sesuatu pendapat atau fikiran. Sikap diperoleh dari pengalaman dan amat mempengaruhi tingkah laku seseorang.

g. Tingkah laku

Menurut Sarafino (1996), tingkah laku adalah apa sahaja yang seseorang lakukan sebagai respons ataupun tindak balas kepada apa yang berlaku, sama ada perkara itu berlaku di dalam dirinya ataupun di luar. Tingkah laku juga terbahagi kepada dua jenis iaitu yang boleh dilihat (*overt*) ataupun tidak dilihat (*covert*). Tingkah laku *overt* terbahagi kepada dua jenis iaitu tingkah laku verbal dan tingkah laku motor. Tingkah laku verbal melibatkan penggunaan bahasa dan tingkah laku motor melibatkan pergerakan badan tanpa menggunakan bahasa. Sementara, tingkah laku *covert* melibatkan respons yang tidak dapat dilihat.

Dalam kajian ini tingkah laku ditakrifkan sebagai langkah atau perangai, gerak-geri, kelakuan dan perbuatan yang lakukan sama ada pada diri atau orang lain. Kajian ini akan mengkaji tingkah laku mangsa buli siber, pemerhati dan pembuli.

1.11 Pendekatan Teori

Gejala buli siber merupakan satu masalah sosial yang akan mengakibatkan pengaruh dan kesan yang mendalam terhadap para pelajar dan lazimnya membawa kepada keganasan dan malapetaka yang buruk kepada mangsa buli siber dan pembuli.

Buli siber yang merupakan subset kepada buli dan agresif yang dikenal pasti sebagai masalah yang mampu memberikan impak yang mendalam terhadap kesihatan fizikal dan psikologi individu yang kerap di buli. Pembuli dan mangsa buli siber masing-masing dilihat akan mengalami pelbagai masalah sosial, sikap dan tingkah laku seperti kegagalan dalam pembelajaran di sekolah dan kecelaruan dan penyisihan sosial. Contohnya impak daripada buli siber bagi mangsa buli siber ini mereka kemungkinan besar akan ponteng sekolah supaya mengelakkan ejekan daripada rakan sebaya nya. Secara tidak langsung, pencapaian sekolah terjejas akibat daripada ponteng kelas.

Perbincangan terhadap kesan buli siber terhadap sikap dan tingkah laku sama ada bagi mangsa buli siber atau pembuli akan dikupas berdasarkan pelbagai pandangan mengikut teori-teori atau pendekatan yang dikemukakan oleh ahli-ahli psikologi atau sosiologi.

1.11.1 Pendekatan Penyesuaian Adaptasi

Menurut (dalam Abdul Alim Abdul Rahim dan Kamarulzaman Kamaruddin (2010)) Tingkah laku bergantung kepada sejauh mana individu dapat penyesuaian diri dengan diri sendiri dan persekitarannya. Pendekatan ini melibatkan tingkah laku lazim sebagai satu proses menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran. Individu yang lazim berupaya menghadapi tekanan. Mereka dapat mengintegrasikan keperluan, motif, emosi, dan menyesuaikan diri dengan anggota masyarakat yang lain. Mereka yang dinamik sentiasa berubah dan mencari serta menggunakan strategi baharu bagi menghadapi tekanan dan perubahan persekitaran. Mereka yang biasa lazim pula sentiasa mengalami kegagalan, kekecewaan, dan sebagainya. Mereka tidak mencapai kesempurnaan kendiri dalam memberi sumbangan kepada masyarakat.

Pendekatan ini sesuai dengan konsep personaliti Erikson yang menekankan tentang pentingnya krisis bagi mewujudkan individu yang bebas dan bertanggungjawab. Krisis dapat menyediakan peluang untuk pertumbuhan kendiri dan merasakan kegagalan serta kekecewaan. Keadaan ini bergantung kepada individu tersebut untuk menerima dan menghadapi krisis bagi memperkuatkan dirinya dari semasa ke semasa. Pendekatan penyesuaian ini dianggap paling baik dan praktis dalam menerangkan tingkah laku bilazim. Keadaan ini wujud kerana tiada tingkah laku, perasaan dan pemikiran yang seratus peratus bilazim. Tingkah laku bilazim bergantung kepada banyak faktor. Setiap individu berbeza dari segi pemikiran, tingkah laku, dan perasaan.

1.11.2 Mekanisme Bela Diri

Menurut (dalam Abdul Alim Abdul Rahim dan Kamarulzaman Kamaruddin (2010))ini, mekanisme bela diri merupakan kaedah yang dibentuk oleh individu untuk berhadapan dengan konflik dan kecemasan. Beberapa ciri helah bela diri telah digunakan. Antaranya ialah menafikan dan mencelarukan realiti. Helah bela diri beroperasi pada tahap bawah sedar. Beberapa bentuk helah bela diri adalah seperti represi, pindah gantian, anjuran, sublimasi, penafian, dan imbuhan.

Represi merupakan mekanisme bela diri yang utama yang digunakan untuk menyekat desakan yang mengancam dan menolaknya ke tahap bawah sedar.

Manakala regresi merupakan pola tingkah laku yang kurang matang seperti kebudak-budakan sebagai menggantikan tingkah laku semasa yang lebih dewasa.

Pindah gantian merupakan proses pemindahan dekatan dari objek yang asal ke objek yang lain. Kebiasaannya objek yang dipindahkan itu kurang daripada segi ancaman. Contohnya, seorang budak dimarahi oleh ibu bapanya, tetapi budak tersebut mengalihkan perasaan marah dan tindakan agresif terhadap mangsa buli siber.

Proses projeksi merupakan pemindahan desakan dan motivasi yang tidak diingini dalam diri kepada orang lain. Misalnya “saya membenci dia” menjadikan “dia membenci saya”. Sublimasi ialah menggantikan tingkah laku yang tidak diingini oleh masyarakat kepada tingkah laku yang lebih diterima.

Penafian merupakan proses menafikan secara sedar terhadap perkara tingkah laku dan keadaan yang tidak diingini. Manakala imbuhan merupakan kebolehan ego mengatasi sesuatu kelemahan diri dalam sesuatu bidang dengan cara memahirkan diri dalam bidang yang lain.

1.11.3 Teori Perubahan Sikap

1.11.3.1 Teori Tahap Perubahan Sikap Harian

Menurut (Azizi Yahaya et al., 2004) teori ini dikenali sebagai teori Hovland kerana teori ini diperkenalkan dan seterusnya dikembangkan oleh ahli psikologi Universiti Yale, Amerika Syarikat, iaitu Carl Hovland. Setelah dikaji, faktor utama yang didapati mempengaruhi tingkah laku ialah sikap. Setiap tingkah laku dan perbuatan kita ditentukan oleh sikap atau dengan kata lain kita dikawal oleh sikap kita sendiri.

Teori Hovland ini menumpukan perhatian kepada tahap dalam perubahan sikap. Terdapat lima tahap asas perubahan sikap. Tahap itu terdiri daripada mendengar, memahami, menerima, mengingat, dan melakukan.

1. Mendengar

Selagi maklumat yang kita dengar tidak begitu meyakinkan, maka kita tidak akan mengubah sikap kita. Oleh itu, sesiapa yang hendak mengubah sikap kita, mereka



perlu cekap dan mahir dalam berkomunikasi bagi menimbulkan minat kita supaya mahu mendengar perkara yang dituturkan serta yakin dan seronok dengan percakapannya.

2. Memahami

Orang yang hendak mengubah sikap kita mestilah menggunakan pendekatan komunikasi yang mudah supaya kita faham dan tertarik dengan apa yang dituturkan.

3. Menerima

Apabila kita sudah mendengar dan memahami serta maklumat tersebut amat meyakinkan, maka kita akan menerima maklumat yang telah disampaikan.

4. Mengingat

Sekalipun kita sudah mendengar, memahami, dan menerima, namun itu tidak memadai. Tahap mengingati penting supaya kita ingat perkara yang disampaikan oleh pemberi maklumat.

5. Melakukan

Apabila keempat-empat tahap di atas telah kita laksanakan, maka kita akan melakukan atau dengan kata lain mengubah tingkah laku.



1.11.3.2 Teori Penilaian Sosial

Teori ini menekankan perspektif kognitif dan individu yang menyentuh tentang individu itu sendiri dan penilaiannya dalam mengubah sikap. Teori ini juga mengandaikan bahawa manusia tahu sikapnya, kedudukan sikapnya dan mengetahui jenis sikap yang mereka akan terima atau tolak. Teori penilaian sosial ini menyatakan bahawa penilaian kognitif akan mendahului apa sahaja perubahan yang akan berlaku. Teori ini turut membabitkan faktor emosi dalam mempengaruhi serta mengubah sikap.

1.11.3.3 Teori Ketekalan

Teori ketekalan ini memperkatakan tentang proses kognitif. Teori ini menyatakan bahawa ketekalan antara sikap dengan tingkah laku adalah penting. Istilah teori ini memperihalkan tentang proses individu mengubah kepercayaannya agar kepercayaan itu tekal dari segi psikologi tanpa memikirkan tentang logiknya. Contohnya pembuli siber ini mempercayai buli ini merupakan suatu tingkah laku agresif akan tetapi dia tetap membuli kawan-kawan siber untuk mengeluarkan perasaan atau keseronokannya. Oleh itu, kita dapat lihat bahawa kepercayaan dan tingkah laku tersebut tidak tekal sama sekali. Jadi, untuk mengubah ketidakseimbangan ini, pembuli siber ini menafikan bahawa membuli tidak ada perkaitan dengan tingkah laku agresifnya.

1.11.3.4 Teori Ketidakserasan Kognitif Festinger

Seorang pakar psikologi, iaitu Leon Festinger membuat kajian terhadap perbezaan yang terdapat di antara dua konsep atau pendapat yang saling bertentangan atau lebih dikenali sebagai ketidak cocokan kognitif. Menurut beliau, ketidakserasan kognitif wujud apabila individu itu mempunyai pemikiran yang bertentangan antara satu sama lain. Pemikiran yang dimaksudkan meliputi kepercayaan, sikap, dan tingkah laku yang disedari.

Festinger juga menyatakan bahawa dua konsep tersebut menyebabkan ketidakselesaan psikologi. Individu itu juga akan cuba mengelakkan diri daripada situasi, keadaan ataupun maklumat yang akan menambahkan ketidakserasan. Secara kesimpulannya, teori ini dikatakan amat sesuai, fleksibel, dan popular serta boleh diaplikasikan dalam pelbagai situasi dan keadaan.

1.11.3.5 Teori Kefungsian

Teori ini menekankan tentang perbezaan seseorang individu. Perbezaan antara individu itu sendiri menghasilkan kehendak dan keperluan yang berbeza-beza. Teori ini mengandaikan bahawa manusia mempunyai sikap yang hanya memenuhi serta memuaskan kehendak serta keperluan dirinya sahaja.

Namun begitu, terdapat cara bagi mengubah sikap yang sebegitu rupa. Caranya adalah dengan mengenal pasti apakah keperluan serta kehendak mereka. Kesimpulannya, teori kefungsian ini hanya boleh difahami dari perspektif keperluan individu serta personalitinya sahaja.

1.11.4 Teori Hierarki Keperluan Maslow dan Perlakuan Buli Siber

Maslow mengklasifikasikan lima keperluan asas manusia iaitu keperluan fisiologi, keperluan keselamatan, keperluan kasih sayang, keperluan penghargaan kendiri, dan keperluan kesempurnaan kendiri. Kesemua keperluan ini diletakkan dalam satu hierarki mengikut urutan kekuatan motivasi. Keperluan yang paling asas atau rendah ialah fisiologi merupakan keperluan yang paling utama, manakala keperluan yang paling tinggi ialah kesempurnaan kendiri merupakan keperluan yang paling lemah.

Keperluan yang paling rendah ialah keperluan biologikal dan keperluan yang paling tinggi pula merupakan keperluan psikologi. Menurut teori Maslow, keperluan pada tahap yang paling rendah harus dipenuhi dahulu sebelum seseorang individu itu memikirkan tahap yang kedua. Dengan kata lain, keperluan pada tahap kedua dan seterusnya tidak akan wujud sebelum keperluan pertama belum mencapai kepuasan atau kesempurnaan. Keperluan pada tahap rendah ialah keperluan yang semestinya dilalui oleh setiap individu bagi mengekalkan kestabilan. Kepuasan memenuhi keperluan pada tahap yang paling tinggi dianggap sebagai mencapai keperluan pertumbuhan. Kegagalan dalam memenuhi atau memuaskan keperluan asas ini akan

membawa kepada gangguan dan kecelaruan sama ada dalam aspek fisiologi ataupun psikologi.

Menerusi perlakuan buli siber, pembuli yang sememangnya mempunyai penghargaan kendiri yang rendah bertindak merampas penghargaan kendiri daripada mangsa buli siber nya. Pembuli bertindak untuk menguasai orang lain bagi membolehkan mereka merasa berkuasa serta dihargai dan pada pihak mangsa buli siber pula, mereka berasa kehilangan penghargaan kendiri dan keyakinan diri. Oleh sebab penghargaan kendiri merupakan satu daripada ciri-ciri keperluan asas manusia, maka ketidakupayaan untuk memenuhi atau memuaskan keperluan ini akan memberikan kesan negatif yang amat mendalam terhadap pertumbuhan dan perkembangan kanak-kanak, terutamanya para pelajar sekolah. Perlakuan buli siber ini pasti merosak dan memusnahkan penghargaan kendiri individu yang terlibat, sama ada sebagai pembuli atau mangsa buli siber.

Pelajar sekolah perlu diselamatkan daripada gejala pemusnah penghargaan kendiri ini. Mereka perlu dihindar daripada menjalani kehidupan sebagai pembuli dan mangsa buli siber, yang akhirnya akan merosak serta memusnahkan penghargaan kendiri mereka. Keperluan penghargaan kendiri dalam kalangan para pelajar adalah amat penting bagi membolehkan mereka mengharungi cabaran usia kanak-kanak yang mencabar. Hal ini membolehkan mereka berfungsi sebagai individu serta anggota masyarakat yang berkeyakinan tinggi dan berjaya.

1.11.5 Teori Psikoanalisis Freud dan Perlakuan Buli Siber

Dalam teori psikoanalisis Freud, tahap psiko seksual merupakan tempoh biologi yang paling kritikal bagi perkembangan personaliti (Green, 1989). Struktur personaliti individu terdiri daripada tiga struktur, iaitu *id*, *ego*, dan *superego*. *Ego* berfungsi sebagai pemikiran, persepsi, dan kawalan motor yang menilai secara tepat keadaan persekitaran. Dalam usaha untuk memenuhi fungsi adaptasi ini, *ego* mesti berupaya mengukuhkan penangguhan kepuasan impuls naluri daripada *id*. Untuk mempertahankan dirinya daripada impuls yang tidak dijangkakan, *ego* perlu membentuk mekanisme khusus, yang dikenali sebagai mekanisme bela diri. Mekanisme-mekanisme ini termasuk tekanan, penyingkiran, dan pengukuhan pola-pola tingkah laku yang secara langsung bertentangan dengan keperluan tidak sedar. Perkembangan personaliti wujud melalui penempatan berperingkat *libido* yang memberi tenaga kepada tubuh. *Libido* berfungsi sebagai penyebab utama aktiviti mental dan tingkah laku manusia dalam mendapatkan keseronokan dan ketegangan. Konflik dalam kehidupan mewujudkan keimbangan. Kebimbangan ini dihadapi oleh individu dengan bantuan mekanisme membela diri.

Pembuli biasanya wujud daripada kalangan kanak-kanak atau pelajar yang mempunyai latar belakang keluarga yang bermasalah. Pengalaman lampau sebagai mangsa buli siber menyebabkan kanak-kanak tersebut bertindak untuk membuli orang lain sebagai mekanisme membela dirinya demi merasakan dirinya ialah individu yang berkuasa. Farrington (1993) menyatakan latar belakang keluarga yang

mempunyai pelbagai masalah akan mempengaruhi tingkah laku kanak-kanak untuk menjadi pembuli.

1.12 Penutup

Secara kesimpulannya, buli siber ini merupakan sebahagian daripada tradisional buli. Apa yang membezakan buli siber dengan tradisional buli adalah satunya melalui satu medium iaitu media untuk membuli mangsa buli siber. Manakala bagi tradisional buli, ia merupakan satu tingkah laku yang agresif yang berulang-ulang terhadap mangsa buli siber dalam bentuk gangguan, ugutan, dan penderaan. Tiada perbezaan dari segi kesannya psikologi terhadap mangsa buli siber. Kemungkinan ia merupakan satu sambungan tradisional buli dari segi fizikal dan melalui buli siber untuk meluahkan perasaan dalam alam siber. Sepertinya kes-kes yang dibincangkan dalam awal topik, kesan-kesan daripada buli siber ini akan menyebabkan seseorang mangsa buli siber mengalami keseksaan dari segi fizikal mahupun psikologi.